

Green Leaf Synergy komersil teknologi rumpai laut UMS

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 12-03-2012 AG

KOTAKINABALU: Yakin dengan hasil penyelidikan berkaitan rumpai laut oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS), Green Leaf Synergy Sdn Bhd membuat keputusan untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan universiti itu.

Syarikat terbabit membeli dua hasil penyelidikan UMS, Eco-Friendly Tie-Tie dan baja rumpai laut yang akan digunakan dalam

pelaksanaan Sistem Estet Mini Rumpai Laut.

Pengarah Green Leaf Synergy, Ramlan Ali berkata, keputusan itu dibuat selepas mendapati teknologi yang dibangunkan universiti terbabit mampu merangsang pembangunan industri rumpai laut negara.

"Sebelum ini, industri rumpai laut masih digerakkan secara konvensional dengan bahan yang tidak mesra alam. Tetapi kini kita mula berubah ke arah kaedah yang lebih terancang selain lebih jelas dari aspek pengenalan pastian kos, tenaga kerja dan sasaran hasil.

"Melalui penggunaan dua bahan tadi, kami bukan sahaja dapat meningkatkan hasil tuaian, malah rumpai laut yang dihasilkan juga adalah lebih berkualiti dan kos efektif," katanya.

Di temui selepas menandatangani perjanjian pelesenan bersama UMS baru-baru ini, Eco-Friendly Tie-Tie berfungsi menggantikan tali plastik atau lebih dikenali sebagai tali rafia untuk mengikat bibit rumpai laut.

"Tali rafia ini akan melekat bersama rumpai laut apabila dikeringkan jadi ia mengganggu kualiti rumpai laut. Oleh yang demikian, pengikat mesra alam ini memastikan hasil rumpai laut lebih berkualiti berbanding cara sedia ada," katanya.

Selain itu, tambahnya, penggunaan bahan ini membolehkan penanaman rumpai laut dilakukan lebih cepat kerana proses mengikat bibit boleh dilakukan di tepi pantai berbanding dibuat di rumah jika secara konvensional.

Penggunaan baja pula, tambahnya, adalah bagi memastikan setiap rumpai laut mendapat nutrien

secukupnya sekali gus menghasilkan rumpai laut berkualiti.

Mengenai pasaran rumpai laut, beliau positif dengan masa depan produk itu memandangkan kebanyakan industri menggunakan Carrageenan, produk daripada rumpai laut sebagai bahan penting.

Carrageenan, jelasnya, adalah serbuk yang dihasilkan selepas rumpai laut dikeringkan setelah melalui pengasingan daripada gel.

Tambahnya, bahan ini penting kerana berfungsi 'mengikat' dua bahan dan digunakan secara meluas dalam industri pengeluaran dunia.


Sebagai contoh, katanya, adalah penggunaan Carrageenan untuk 'mengikat' air dan lemak bagi susu tepung dan kapsul ubat selain digunakan dalam produk lain seperti ubat diri, kosmetik, pewangi dan produk makanan.

"Hanya tiga negara membekalkan Carrageenan secara konsisten sepanjang tahun iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina," katanya.

Di samping itu, Ramlan berkata, Malaysia juga adalah negara pertama dunia yang melaksanakan penanaman rumpai laut secara ladang dan lebih terurus.

Jelasnya, melalui cara konvensional, tiada standard dalam penanaman dan sasaran penghasilan rumpai laut.

"Kita mahu bangunkan ladang rumpai laut seperti ladang sawit (dengan) kita tahu kos seekar, tenaga kerja diperlukan dan jangkaan hasilnya. Ini memudahkan pelabur untuk tahu kos yang mereka perlukan," katanya yang menambah Jepun dan Kanada juga berminat



RAMLAN

untuk melabur dalam estet mini ini.

Dalam sistem estet mini, katanya, standard panduan adalah dua bibit dipasang pada setiap poin manakala terdapat 500 poin pada tali sepanjang 100 meter.

Dalam satu blok estet mini terdapat 200 tali. Ia boleh menghasilkan 25 tan metrik rumpai laut basah," katanya yang menambah tuaian dibuat empat kali setahun.

Dengan hasil tuaian boleh meningkat sehingga 30 peratus, beliau menambah standard baru menjadikan penanaman rumpai laut dilaksanakan secara mesra alam berbanding penggunaan botol plastik sebelum ini.

"Semporna adalah destinasi pelancongan. Jadi, penggunaan botol plastik adalah tidak mesra alam dan ini pasti memberi kesan negatif kepada sektor pelancongan kita," katanya.

Sementara itu, beliau turut memuji komitmen kerajaan dalam membangunkan industri ini apabila menyediakan peruntukan melalui Entry Point Project 3 (EPP3) untuk membangunkan 15 lagi syarikat di bawah projek estet mini rumpai laut.